Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN PENTING

- **MPC mengekalkan kadar dasar pada bulan Mac dan Mei dalam memastikan tahap akomodatif monetari terus konsisten untuk mengekalkan haluan pertumbuhan yang stabil dalam keadaan inflasi yang lebih rendah.**

OPR kekal akomodatif

Pada bulan Januari 2018, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) mengembalikan tahap akomodatif monetari ke paras yang wajar dengan menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25%. Prestasi pertumbuhan yang kukuh di Malaysia pada tahun 2017 dijangka berterusan sepanjang tahun 2018, dalam keadaan pengembangan ekonomi dunia yang lebih meluas, kukuh dan terselaras. Inflasi keseluruhan dijangka rendah pada tahun 2018, berikutan jangkaan kesan yang lebih kecil daripada faktor kos global, sementara kadar pertukaran ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan tahun 2017 akan mengurangkan kos import. Paling utama, pelarasan yang dilakukan pada bulan Januari bukanlah suatu tindakan untuk mengetatkan keadaan monetari, tetapi merupakan tindakan untuk mengembalikan tahap akomodatif monetari ke paras yang wajar dalam memastikan pertumbuhan terus mampan.

Pada mesyuarat yang berikutnya pada awal bulan Mac dan Mei, MPC mengekalkan kadar OPR. MPC menilai bahawa tahap akomodatif monetari selepas pelarasan pada bulan Januari adalah konsisten dengan pendirian dasar bagi memastikan haluan pertumbuhan ekonomi dalam negeri terus stabil dalam keadaan inflasi yang lebih rendah. Pada akhir bulan Mac, Bank telah menyiarkan unjuran untuk tahun 2018 bagi pertumbuhan yang berterusan dalam lingkungan 5.5% - 6.0%, dan untuk inflasi keseluruhan yang lebih rendah dalam lingkungan 2.0% - 3.0%.

Meskipun terdapat risiko prospek pertumbuhan global yang lebih perlahan daripada potensi perdagangan yang merosot dan ketegangan geopolitik yang menyebabkan turun naik dalam pasaran kewangan antarabangsa, risiko terhadap prospek pertumbuhan global terus seimbang. Namun, MPC akan terus memantau dengan rapi perkembangan risiko terhadap prospek ekonomi, termasuk impak pelarasan OPR pada bulan Januari 2018.

Walaupun turun naik yang berlaku pada waktu ini adalah disebabkan perkembangan luar negeri, pasaran kewangan domestik kekal berdaya tahan. Sektor kewangan terus kukuh dan keadaan monetari, pembiayaan dan kewangan menyokong pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran pascapilihan raya. Operasi monetari Bank akan memastikan bahawa keadaan mudah tunai domestik kekal mencukupi bagi menyokong pasaran kewangan domestik supaya berfungsi dengan teratur.

Sorotan dasar lain

Memandangkan terdapat percambahan pesat dalam urus niaga mata wang digital di Malaysia dan risiko yang berkaitan dengannya, Bank telah mengeluarkan satu dokumen dasar yang menggariskan beberapa obligasi yang berkaitan dengan pengurup mata wang digital (digital currency exchangers, DCE) sebagai institusi pelaporan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA). Dasar ini bertujuan untuk menyokong aktiviti pengawasan dan menyediakan perlindungan yang berkesan bagi risiko pembiayaan wang haram/pembiayaan keganasan (ML / TF) yang berkaitan dengan penggunaan mata wang digital. Ia juga berfungsi untuk meningkatkan ketelusan aktiviti mata wang digital di Malaysia. Senarai institusi pelaporan baharu disiarkan dalam laman sesawang Bank.

Satu perkembangan penting untuk memupuk persekitaran yang membolehkan penggunaan pembayaran mudah alih yang lebih meluas bagi melengkapkan kad debit sebagai pengganti wang tunai ialah penerbitan Rangka Kerja Pindahan Kredit Saling Boleh Kendali (Interoperable Credit Transfer Framework, ICTF) oleh Bank, yang akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2018. ICTF menggalakkan persaingan secara kolaborasi (co-opetition) antara bank dengan pengeluar e-wang bukan bank melalui kerjasama yang dipupuk pada peringkat infrastruktur untuk meluaskan capaian rangkaian dan mengurangkan kos, di samping menggalakkan persaingan pada peringkat produk untuk meningkatkan tahap perkhidmatan dan pengalaman pelanggan yang tersendiri. Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet), pengendali infrastruktur perkongsian pembayaran negara akan menyediakan bank dan pengeluar e-wang bukan bank yang layak, akses kepada infrastruktur pembayaran dan penjelasan secara terbuka dan saksama. Perkhidmatan ini akan dipermudahkan lagi dengan adanya Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP), yang dirancang pelancarannya oleh PayNet pada suku ketiga 2018. RPP menyediakan kemudahan pembayaran antara akaun bank dengan akaun e-wang melalui penggunaan pengenal pasti lazim (contohnya nombor telefon mudah alih, nombor Kad Pengenalan atau nombor pendaftaran perniagaan) dan kod Respons Pantas Seragam (Quick Response (QR) Code).

Pada bulan Januari 2018, Bank juga menerbitkan keperluan pengurusan risiko kredit yang telah diperkukuh bagi institusi kewangan. Piawaian yang disemak semula itu bertujuan untuk meningkatkan lagi amalan pengurusan risiko kredit di seluruh industri berikutan peningkatan penawaran pelbagai produk, pengembangan operasi institusi kewangan di luar negeri dan peranan pasaran modal yang lebih besar sebagai sumber alternatif pembiayaan terutamanya bagi syarikat besar. Keperluan di bawah piawaian yang lebih baik ini akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2018 untuk institusi perbankan. Keperluan ini juga akan digunakan buat kali pertama oleh syarikat induk kewangan, penanggung insurans dan pengendali takaful, dengan tempoh peralihan yang lebih panjang sehingga 1 Julai 2019 dan 1 Januari 2021 untuk mematuhi piawaian tersebut.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan dan memelihara budaya yang kukuh dan beretika dalam institusi kewangan, mulai 1 Julai 2018, institusi kewangan dikehendaki menjalankan saringan mandatori terhadap bakal kakitangan baharu. Ini melibatkan usaha mendapatkan maklumat bakal kakitangan daripada majikan lama dan semasa. Semua institusi kewangan juga dikehendaki menyiasat kes salah laku kakitangan mereka, serta menyimpan rekod dan mendedahkan maklumat yang relevan untuk tujuan semakan rujukan pekerjaan. Penambahbaikan untuk rekod latar belakang tingkah laku setiap kakitangan ini adalah bertujuan untuk memudahkan institusi kewangan membuat keputusan berkaitan dengan pengambilan kakitangan berdasarkan maklumat yang mencukupi.